

**Aduan Karpal Singh Mengenai Hakim Tiada Merit - Ketua Hakim Negara
Bernama
30 Disember, 2011**

PUTRAJAYA, 30 Dis (Bernama) -- Ketua Hakim Negara Tan Sri Arifin Zakaria hari ini menolak aduan yang mengaitkan Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Abdul Malik Ishak telah memplagiat penghakiman seorang hakim mahkamah Singapura pada tahun 2000 kerana ianya tidak mempunyai merit.

Menurut kenyataan Pejabat Ketua Hakim Negara, keputusan itu dicapai selepas siasatan dan perbincangan diadakan dengan Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Md Raus Sharif.

"Berdasarkan siasatan yang dijalankan dan setelah berbincang dengan Presiden Mahkamah Rayuan menurut Seksyen 13 (1) Kod Etika Hakim 2009, Ketua Hakim Negara berpendapat bahawa dakwaan plagiarisma oleh Hakim Mahkamah Rayuan seperti yang dibangkitkan oleh Karpal Singh tidak mempunyai merit dan aduan tersebut ditolak," kata kenyataan itu yang dikeluarkan oleh Pegawai Khas I kepada Arifin, Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim.

Beliau berkata Ketua Hakim telah menerima satu surat aduan bertarikh 29 Sept lepas daripada Karpal yang mendakwa seorang Hakim Mahkamah Rayuan telah memplagiat penghakiman seorang hakim mahkamah Singapura.

Che Wan Zaidi berkata Karpal telah dimaklumkan secara rasmi mengenai perkara itu melalui surat daripada Pejabat Ketua Hakim Negara.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=637268>